



## MEMO

**KEPADA :** YBhg. Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman  
Ketua Pengarah  
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

**DARIPADA :** Edward Binty  
Pengurus Kanan  
Bahagian Produktiviti dan Daya Saing (PCD)

**MELALUI :** Mohammed Alamin Rehan  
Timbalan Pengarah  
Bahagian Produktiviti dan Daya Saing (PCD)

**TARIKH :** 23 Oktober 2020, Jumaat

**PERKARA :** PEROLEHAN SECARA PEMBELIAN TERUS BAGI  
LATIHAN *REGULATION: THEORY, STRATEGY, AND  
PRACTICE ONLINE CERTIFICATE COURSE* ANJURAN  
*LONDON SCHOOL OF ECONOMICS AND POLITICAL  
SCIENCE*

*YBhg. Dato',*

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Mesyuarat Lembaga Pengurusan MPC Bil. 934/2020 pada 22 Oktober 2020 telah meluluskan Kertas Cadangan melaksanakan '*Capacity Building Programs for Regulatory Review Initiatives*' secara atas talian.

3. Sebahagian dari cadangan program pembangunan kapasiti tersebut adalah Latihan *Regulation: Theory, Strategy, and Practice Online Certificate Course* anjuran *London School of Economics and Political Science* yang berjumlah RM 94,688.00 Program latihan ini akan diadakan secara atas talian pada 11 November 2020 sehingga 6 Januari 2021. Ia akan disertai oleh 6 orang pegawai MPC dan 2 orang pegawai dari INTAN bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan berkenaan Analisa Impak Peraturan (RIA) dan topik yang berkaitan.

4. Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia iaitu 'Penyertaan Latihan Yang Dianjurkan Oleh Agensi Kerajaan Atau Syarikat Swasta (PK 7.3), agensi dibenarkan untuk melaksanakan perolehan secara pembelian terus bagi latihan yang dianjurkan mengikut had nilai dan Pihak Berkuasa Melulus'.

5. Sehubungan itu, pertimbangan YBhg. Dato' KP adalah dipohon bagi meluluskan perolehan secara pembelian terus bagi penyertaan latihan ini.

Sekian, terima kasih.

**Disediakan Oleh:**



**Edward Binty**  
Pengurus Kanan  
Bahagian PCD

Tarikh: 23 Oktober 2020

**Disokong Oleh:**



**Mohammed Alamin Rehan**  
Timbalan Pengarah  
Bahagian PCD

Tarikh: 23 Oktober 2020

**Diluluskan Oleh:**



**YBhg. Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman**  
Ketua Pengarah  
MPC

Tarikh: 26/10/2020